

**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL :3 /1999
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


ELAUN PELAJARAN DAN TAMBANG

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, adalah dengan ini dimaklumkan bahawa peraturan dan syarat-syarat bagi mendapatkan **Elaun Pelajaran dan Tambang** bagi pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Awam, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei adalah seperti yang terkandung dalam Surat Keliling ini.

2. Elaun Pelajaran dan Tambang akan diberikan kepada anak-anak pegawai dalam perkhidmatan berikut :
 - 2.1 Pegawai-pegawai lelaki dalam perkhidmatan tetap yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
 - 2.2 Pegawai-pegawai perempuan dalam perkhidmatan tetap yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mana suami mereka tidak menerima kemudahan Elaun Pelajaran di tempat mereka bekerja. Pegawai-pegawai perempuan dalam kategori ini boleh memohon untuk mendapatkan kemudahan ini jika atas sebab-sebab tertentu suami mereka terhenti daripada menerima kemudahan berkenaan.
 - 2.3 Pegawai-pegawai lelaki dalam perkhidmatan berkontrak yang pernah berkahwin.
 - 2.4 Pegawai-pegawai perempuan dalam perkhidmatan berkontrak yang telah menjadi balu atau telah menjadi janda dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas anak-anak mereka.

A. ELAUN PELAJARAN BAGI PENUNTUT YANG BELAJAR DI LUAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

3. Peraturan pemberian Elaun Pelajaran bagi penuntut yang belajar di luar Negara Brunei Darussalam adalah seperti berikut :



3.1 **Bagi pegawai-pegawai yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam :**

3.1.1 Pemberian Elaun Pelajaran ialah seperti berikut :

- a. sebanyak \$800.00 sebulan bagi seorang anak yang menuntut di negara-negara Amerika Utara, Eropah, Jepun dan New Zealand; dan
- b. bagi yang menuntut di negara-negara lain, Elaun Pelajaran yang dibayar adalah seperti dituntut tetapi tidak melebihi sebanyak \$800.00 sebulan bagi seorang anak.

3.1.2 Elaun Pelajaran dibayar kepada anak-anak yang berumur dari 10 tahun sehingga anak itu mencapai umur 25 tahun. Bagi anak-anak pegawai yang mengikuti Ijazah Doktor Falsafah Ph.D (Doctorate) maka dibolehkan menuntut Elaun Pelajaran sehingga mencapai umur 28 tahun.


3.1.3 Elaun Pelajaran hanya akan diberikan kepada anak-anak yang menuntut di institusi-institusi pengajian yang diiktiraf oleh Kerajaan.

3.2 **Bagi pegawai-pegawai yang bukan terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam :**

3.2.1 Pemberian Elaun Pelajaran ialah seperti berikut :

NEGARA/ INSTITUSI TEMPAT BELAJAR	Pegawai-pegawai yang membayar bayaran tempat tinggal untuk anak-anak mereka		Pegawai-pegawai yang tidak membayar bayaran tempat tinggal untuk anak-anak mereka/anak-anak yang belajar di sekolah harian	
	Bahagian I dan II	Bahagian III, IV dan V	Bahagian I dan II	Bahagian III, IV dan V
Amerika Utara, Australia, Eropah, Jepun dan New Zealand	\$800	\$400	\$400	\$250
Negara-negara lain	Seperti yang dituntut dan tidak melebihi jumlah-jumlah di atas			
Jerudong International School, Brunei Darussalam	\$800	\$400	\$800	\$400

3.2.2 Elaun Pelajaran dibayar kepada anak-anak yang berumur dari 5 tahun sehingga anak itu mencapai umur 21 tahun.




B. PEMBERIAN TAMBANG BAGI PENUNTUT YANG MENERIMA ELAUN PELAJARAN DAN BELAJAR DI LUAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

4. Peraturan pemberian tambang bagi penuntut yang menerima Elaun Pelajaran dan belajar di luar Negara Brunei Darussalam ialah seperti berikut :
 - 4.1 Anak-anak pegawai yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menuntut di luar Negara Brunei Darussalam boleh diberikan tambang murah penuntut pergi-balik dari tempat belajar ke Negara Brunei Darussalam sekali dalam setahun.
 - 4.2 Pegawai-Pegawai berkontrak yang bukan terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Bahagian I dan II boleh diberikan tambang murah pergi balik daripada negara kerakyatan pegawai ke Negara Brunei Darussalam dalam tiap-tiap satu tahun kalendar perkhidmatan bagi dua (2) orang anak sahaja. Bagi pegawai yang mempunyai kontrak perkhidmatan tidak kurang daripada dua tahun hendaklah berkhidmat sekurang-kurangnya enam bulan untuk layak menerima tambang ini.
 - 4.3 Bagi anak-anak pegawai yang telah menerima Elaun Pelajaran hendaklah menggunakan tambang murah ini sahaja dan tidak lagi berhak menerima tambang yang lain.

C. ELAUN PELAJARAN BAGI PENUNTUT YANG BELAJAR DI DALAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

5. Peraturan pemberian Elaun Pelajaran bagi penuntut yang belajar di dalam Negara Brunei Darussalam adalah seperti berikut :
 - 5.1 Pegawai-pegawai yang anak-anak mereka menerima pelajaran sepenuh masa di sekolah berbayar di Negara Brunei Darussalam, yang telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan akan menerima sebanyak \$120.00 sebulan bagi seorang anak, kecuali yang menuntut di Jerudong International School.
 - 5.2 Pegawai-pegawai yang bukan terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang mana anak-anak mereka menuntut di Sekolah/Maktab Kerajaan akan dikecualikan daripada membayar bayaran sekolah dari peringkat persekolahan rendah hingga ke Tingkatan 5 (Lima) bagi empat orang anak pada satu masa. Elaun sebanyak \$120.00 sebulan akan diberikan bagi anak-anak yang menuntut di Tingkatan 6 (Enam) dan peringkat lanjutan yang lain.




- 5.3 Elaun Pelajaran boleh dibayar kepada anak-anak pegawai yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dari umur 5 tahun sehingga mencapai umur 25 tahun. Anak-anak pegawai yang bukan terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam boleh dibayar Elaun Pelajaran dari umur 5 tahun sehingga mencapai umur 21 tahun.

D. SYARAT-SYARAT AM BAGI PENUNTUT YANG BELAJAR DI DALAM DAN DI LUAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

6. Syarat-syarat am bagi penuntut yang belajar di dalam dan di luar Negara Brunei Darussalam ialah seperti berikut :

- 6.1 Jumlah maksima anak yang boleh diberikan Elaun Pelajaran bagi semua kategori ialah sebanyak empat (4) orang anak pada satu masa.
- 6.2 Elaun Pelajaran ini akan terus diberikan kepada anak-anak pegawai yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sedang menerima elaun tersebut apabila ibu atau bapa mereka (yang sebelumnya layak mendapatkan elaun ini untuk mereka) meninggal dunia tanpa menghiraukan sama ada ibu atau bapa itu berkahwin semula.
- 6.3 Pegawai-pegawai perempuan berkontrak yang bukan terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah menjadi balu atau janda tidak akan layak menuntut elaun pelajaran setelah mereka berkahwin semula.
- 6.4 Pegawai-pegawai yang anak-anak mereka menerima bantuan lain terhadap pelajaran mereka misalnya dermasiswa atau biasiswa tidak akan berhak mendapatkan elaun ini.
- 6.5 Elaun Pelajaran tidak akan diberikan kepada anak-anak angkat pegawai berkontrak kecuali anak-anak angkat itu bersekolah di Negara Brunei Darussalam.
- 6.6 Permohonan-permohonan bagi Elaun Pelajaran hendaklah dihadapkan kepada Pengarah Perkhidmatan Kewangan, Kementerian Kewangan dalam borang tertentu dan hendaklah dibaharui pada setiap tahun akademik. Pembayaran akan dilakukan melalui bayaran gaji hanya setelah mendapat kebenaran dari Pengarah Perkhidmatan Kewangan. Bagi keperluan perenggan 6.2 di atas, penjaga anak berkenaan hendaklah menghubungi Pengarah Perkhidmatan Kewangan bagi urusan pembayaran.



6.7 Setiap pegawai adalah dikehendaki memaklumkan kepada Pengarah Perkhidmatan Kewangan melalui Ketua Jabatannya sebarang perubahan terhadap pelajaran seseorang anak yang menerima Elaun Pelajaran. Ketua-Ketua Jabatan hendaklah mengambil langkah-langkah tertentu bagi memastikan bahawa semua keterangan adalah betul.

7. Surat Keliling ini mula berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan dan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 2/1995 adalah dengan ini dibatalkan.

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

(DATO PADUKA AWANG HAJI HAZAIR BIN HAJI ABDULLAH)
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA1000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (3) JPM/SK/1999

Tarikh : 19 Syawal 1419
06 Februari 1999